

10/07/2005

Abdullah-Permotoran

PANDANGAN INDUSTRI AUTOMOTIF DIAMBIL KIRA GUBAL DASAR PERMOTORAN NEGARA

JOHOR BAHRU, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan tidak akan mengetepikan pandangan peserta industri automotif nasional dalam penggubalan Dasar Permotoran Negara yang akan diumumkan tidak lama lagi.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata satu kertas kabinet mengenai industri automotif negara telah diedarkan kepada anggota kabinet pada mesyuarat mingguan minggu lepas dan mereka memerlukan kira-kira dua minggu untuk mengkajinya.

"Dasar industri motor negara apabila ia dibuat atau dicadangkan, kita akan menentukan bahawa ia akan mengambilkira perkara-perkara yang berhubungkait dengan industri permotoran nasional. Itu tidak dapat dielakkan."

"Memang penting kita ada dasar mengenainya (industri permotoran nasional), tentang sejauh mana kita beri perlindungan, sejauh mana kita mahu ia dimajukan dan dijayakan dan pada tahap mana kita mahu kemampuan ia ditingkatkan," katanya kepada pemberita selepas menutup Konvensyen Umno Johor di sini hari ini.

Abdullah yang juga Presiden Umno berkata isu mengenai kepentingan industri automotif nasional itu meliputi perkara yang telah diutarakan bukan sahaja oleh Penasihat Proton dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, malah daripada mereka yang terbabit dalam bidang pemasaran serta pemasangan kenderaan.

"Kita akan kaji semua itu (pandangan)," katanya.

Sementara itu Perdana Menteri turut menjelaskan laporan media hari ini mengenai kenyatannya bahawa beliau menganggap pertikaian antara Dr Mahathir dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Datuk Seri Rafidah Aziz telah selesai.

Abdullah berkata beliau hanya menganggap bahawa tindakan Rafidah sebagai Menteri MITI menghantar surat kepada bekas Perdana Menteri bagi menjelaskan beberapa perkara tentang industri automotif, termasuk berkenaan Proton dan Permit Import (AP), itu selesai.

"Sebenarnya apa yang saya maksudkan ialah Rafidah telah melakukan tugasnya sebagai Menteri MITI menjelaskan apa yang telah Tun (Dr Mahathir) timbulkan. Rafidah sudah beri penjelasan kepada beliau supaya tiada kekeliruan dan keraguan mengenai perkara itu."

"Surat telah ditulis dan dihantar, itu setakat saya katakan bahawa telah selesai. Tentang apa yang Rafidah lakukan (menghantar surat penjelasan). Tetapi apa-apa tentang dasar permotoran negara, itu perkara lain," kata Perdana Menteri.

Kabinet yang bermesyuarat Rabu lepas meminta Rafidah menulis surat kepada Dr Mahathir bagi memberi jawapan terhadap isu-isu yang ditimbulkan berkaitan dasar automotif kerajaan.

Salinan surat itu telah diberikan kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Antara isu yang ditimbulkan oleh Dr Mahathir ialah pemberian Permit Kelulusan (AP) untuk mengimport kereta yang diberikan kepada beberapa buah syarikat sahaja, dasar automotif kerajaan serta kemasukan kereta asing pada harga yang sangat rendah yang telah mengurangkan daya saing kereta nasional berkenaan.

Dr Mahathir pada sidang akhbar Selasa lepas mempertahankan kritikan ketua pegawai eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff

terhadap dasar automotif kerajaan, semasa temubual dengan sebuah akhbar berbahasa Cina, Oriental Daily.

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis penutupan Konvensyen Umno Johor yang turut dihadiri lebih 579 perwakilan Umno negeri, Abdullah berkata kini wujud jurang yang amat luas antara hasrat kerajaan untuk membantu orang Melayu dengan kejayaan yang dicapai.

Menurutnya jurang itu wujud ekoran tindakan segelintir daripada mereka yang diamanahkan kerajaan menyeleweng terutama dalam pemberian kontrak, pengagihan saham-saham, permit dan lain-lain yang sepatutnya boleh meningkatkan keupayaan orang Melayu.

"Pada masa ini terdapat jurang yang besar antara hasrat dengan kejayaan. Kita beri lesen dan permit kepada mereka untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam bidang-bidang tertentu. Begitu juga dengan saham, tetapi mereka tidak menjalankan kerja mereka tetapi menjual atau menyewakannya," katanya.

Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh segelintir orang Melayu itu akan hanya melambatkan usaha kerajaan untuk memajukan bangsa itu," kata Perdana Menteri.

Abdullah juga berkata beliau sedang mengumpul pandangan daripada mereka di peringkat akar umbi mengenai rancangan untuk membantu orang-orang Melayu terutama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan bermula tahun depan.

Beliau berkata resolusi-resolusi yang dicapai pada konvensyen dua hari ini dapat membantu beliau dalam perancangan mengenai projek-projek yang bakal dilaksanakan bagi membantu orang Melayu.

Yang turut hadir pada konvensyen itu ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor dan Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

-- BERNAMA

MHI LAT